

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN KURSUS ISTERI-ISTERI PEGAWAI KANAN KERAJAAN
MALAYSIA 1987
Lokasi : BILIK BANQUET II, INTAN, BUKIT KIARA
Tarikh : 30-09-1987

Bismillahir rahmanir rahim.

Yang Berusaha Dr. Mazlan Ahmad, Pengarah INTAN;

Yang Berbahagia Puan Sri - Puan Sri, Datin-Datin;

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian.

Assalamu'alaikum dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Illahi kerana dapat kita bersama bertemu di majlis yang indah ini.

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak INTAN kerana telah memberikan kesempatan dan penghormatan kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dan selanjutnya merasmikan pembukaan Kursus Isteri-Isteri Pegawai Kanan Kerajaan 1987 ini.

2. Kursus pada kali ini merupakan kursus yang kesepuluh dan sejak ianya dimulakan pada tahun 1977 telah banyak mengalami perubahan serta pembaharuan. Saya sukalah mengucapkan syabas kepada pihak INTAN atas daya usaha dan inisiatifnya memperbaiki serta memajukan lagi kursus ini dari setahun ke setahun.

3. Walaupun terdapat pembaharuan serta perubahan, tujuan asal kursus ini masih dikekalkan. Pada keseluruhannya, kursus ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan meninggikan lagi kefahaman kepada isteri-isteri pegawai kanan kerajaan mengenai beberapa perkara yang penting diketahui, supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam membantu suami mereka mewakili negara di seberang laut. Antara perkara-perkara yang akan diberi penekanan dalam kursus ini nanti ialah aspek-aspek seperti sejarah tanahair, perlembagaan, perkembangan politik dan ekonomi, aspek-aspek keselamatan negara, kebudayaan serta dasar-dasar baru Kerajaan. Di samping itu untuk meningkatkan lagi keperibadian para isteri, perkara-perkara seperti tatasusila sosial, teknik-teknik berucap di khalayak ramai, pembangunan dan kesihatan keluarga serta aspek-aspek peraturan dan amalan kerajaan akan juga diberi keutamaan. Dengan adanya kefahaman tentang perkara-perkara di atas, adalah diharapkan ianya dapat memupuk sikap yang lebih positif serta dapat memberi penyediaan yang sepenuhnya atas peranan dan tanggungjawab isteri-isteri dalam menjaga, meninggikan dan mempertahankan imej negara.

Puan-puan sekalian,

4. Satu persoalan yang sering ditimbulkan ialah bagaimana kursus ini dapat membentuk isteri-isteri pegawai Kerajaan, khususnya isteri-isteri pegawai diplomat dalam meninggikan lagi imej negara. Setelah sepuluh tahun kursus ini berjalan, adakah ianya benar-benar berjaya membentuk isteri-isteri yang benar-benar boleh memprojekek imej negara? Pada hemat saya anggapan dan persepsi sedemikian lahir dari rasa prejudis dan tanggapan bahawa peranan isteri-isteri tidak mempunyai kaitan dengan kejayaan tugas suami. Sememangnya agak susah untuk mengukur perkara ini kerana ianya suatu yang terlalu subjektif. Akan tetapi dari maklumbalas serta pemerhatian saya semasa lawatan-lawatan ke luar negeri, kursus ini telah memberi banyak manfaat. Ramai di antara isteri pegawai-pegawai diplomat yang pernah menghadiri kursus ini dapat menyesuaikan diri mereka dengan cepat dan baik diluar negeri. Di samping itu jarang sekali kita mendengar peristiwa-peristiwa dalam mana isteri-isteri pegawai diplomat menimbulkan kelakuan-kelakuan yang kurang menyenangkan atau kelakuan-kelakuan yang boleh merosakkan imej negara. Malahan mereka sering menerima sanjungan baik dari segi cara pergaulan,

pakaian, tutur-kata, budibahasa dan juga dari segi tatasusila sosial yang lainnya.

5. Satu lagi perkara yang sering dikaitkan dengan peningkatan imej negara ialah pemupukan semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan isteri-isteri. Saya percaya sepanjang kursus ini berjalan unsur-unsur perpaduan dan semangat kerjasama dapat diterapkan sedikit demi sedikit.

Semangat ini perlu dipupuk memandangkan tanpa keharmonian dan kemesraan sudah tentu persefahaman tidak akan terjalin. Puan-puan merupakan segolongan pemimpin yang diamanahkan untuk membimbing masyarakat.

Sebagai pemimpin, puan-puan sepatutnya merasa bangga untuk memberi khidmat kepada negara dengan penuh perasaan tanggungjawab dan rendah hati. Sebagai isteri pegawai diplomat peranan puan-puan sebagai pemimpin amatlah mustahak dalam menentukan semangat kerjasama sentiasa wujud di kalangan isteri-isteri serta juga suami-suami.

6. Oleh itu adalah menjadi harapan saya supaya puan-puan harus sentiasa beringat dan bersabar serta berusaha sedaya upaya untuk mengelakkan dari berlakunya perselisihan faham yang boleh menjejaskan semangat kerjasama, terutamanya apabila puan-puan berada di luar negeri. Sehubungan dengan ini saya ingin menekankan bahawa dengan mendisiplinkan diri sendiri seseorang itu boleh berkelakuan baik dan boleh menjauhkan diri daripada sebarang pertelingkahan. Perbuatan ini boleh mewujudkan semangat kerjasama yang lebih baik, kukuh dan erat.

Puan-puan sekalian,

7. Baru-baru ini kita telah merayakan hari kemerdekaan negara yang ketiga puluh tahun. Ini bermakna sudah tiga puluh tahun kita bebas dari sebarang kuasa penjajahan. Tetapi kalau kita selidiki halus-halus dan mendalam, apakah kita benar-benar bebas dari sebarang corak pembelengguan, baik dari segi fikiran mahupun dari segi fizikal. Secara sedar atau tidak, gejala penjajahan pemikiran yang sedemikian yang semakin merebak merupakan sebagai salah satu ancaman yang boleh meruntuhkan pemikiran masyarakat dan menjejaskan pembangunan negara. Masalah penyalahgunaan dadah dan pemujaan aspek-aspek yang buruk dalam kebudayaan dan kesenian barat perlu kita awasi.

8. Dari penglihatan saya, anak-anak muda sekarang terdedah kepada kebudayaan asing yang masuk ke negara kita. Hari demi hari kita sering mendengar keruntuhan moral, dan kemerosotan disiplin di kalangan anak-anak muda. Pemikiran anak-anak muda kita sekarang telah mula dijajahi dan dikongkongi oleh pengaruh kebudayaan asing. Ini jelas kita lihat dari segi pakaian, tingkahlaku, kurang menghormati orang tua, tidak lagi bersopan santun dan setengahnya pula lupa langsung akan nilai-nilai kebudayaan timur. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab puan-puan, terutama isteri-isteri pegawai diplomat memastikan supaya anak puan-puan yang membesar di luar negeri ditanamkan dengan semangat cintakan tanahair dan perasaan sayangkan warisan kebudayaan negara.

Puan-puan sekalian,

9. Kita perlu renungi dan fikirkan bersama bagaimana kita sebagai isteri dan ibu dapat mendidik dan menyemai perasaan untuk mengenali dan mencintai tanahair di kalangan anak-anak kita. Perkara ini saya bangkitkan di sini kerana selepas tiga puluh tahun negara kita merdeka, masih lagi terdapat perselisihan faham sesama kaum di atas beberapa perkara yang tidak seharusnya diperkatakan lagi sekarang. Keadaan ini mungkin berlaku kerana kita kurang memahami dan menghayati perkembangan sejarah tanahair kita sendiri.

10. Justeru itu, anak-anak kita mestilah selalu dipupuk dengan nilai-nilai dan kebudayaan Malaysia demi untuk menyemai semangat dan perasaan cintakan negara sendiri.

Oleh itu adalah menjadi harapan saya bahawa melalui kursus ini para isteri akan dapat meninggikan pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap isu-isu dan masalah-masalah negara serta segala usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi isu-isu dan masalah-masalah tersebut.

Walaupun kursus yang puan-puan akan ikuti nanti tentu tidak dapat menyelesaikan semua masalah yang dihadapi, namun saya percaya dengan pengetahuan dan kesedaran puan terhadap masalah dan harapan negara dalam pembangunan, sekurang-kurangnya akan lahir kesedaran dan keinsafan terhadap perjuangan negara dalam mencapai perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat seluruhnya.

11. Isteri atau kaum wanita pada masa sekarang ini tidak lagi merupakan penyokong sahaja dalam pembangunan negara.

Kini puan-puan merupakan penggerak dalam pembangunan negara.

Oleh yang demikian sekiranya di saat ini masih terdengar kata-kata, anggapan dan cadangan bahawa peranan kaum wanita harus dihadkan setakat di rumah sahaja, bagi saya ianya merupakan satu saranan yang merugikan. Dalam tempoh pembangunan negara sekarang ini, kita telah mencapai peringkat di mana para isteri mempunyai peranan yang lebih luas, kompleks dan melebihi lingkungan rumahtangga dan keluarga. Ini bermakna puan-puan haruslah bijak membahagikan masa puan-puan antara tugas-tugas serta aktiviti-aktiviti sosial dan tanggungjawab terhadap rumahtangga dan keluarga.

Puan-puan sekalian,

12. Satu perkara yang saya anggap penting bagi isteri-isteri mengetahui dan faham dengan mendalam ialah penggunaan Bahasa Inggeris. Tidak dapat dinafikan bahawa Bahasa Inggeris adalah bahasa yang digunakan luas di seberang laut dan oleh kebanyakan tetamu-tetamu undangan negara yang datang kemari. Semua jurubahasa di negeri-negeri yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia akan menggunakan Bahasa Inggeris. Ceramah-ceramah atau seminar-seminar di luar negeri dan seminar antarabangsa di dalam negeri adalah dalam Bahasa Inggeris. Oleh itu, untuk seorang isteri menjadi penceramah, peserta ataupun pengiring dengan berkesan adalah mustahak bagi mereka untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris.

13. Saya menyatakan perkara ini dari pengalaman saya sendiri di luar dan dalam negeri.

Sebagai isteri pemimpin negara, Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain amatlah berguna dalam menjalinkan kemesraan antara tuan rumah dan tetamu. Memahami Bahasa Inggeris adalah satu aspek tetapi menggunakannya dengan betul akan memberi kesan yang lebih lagi. Oleh itu, saya berharap puan-puan menggunakan Bahasa Inggeris dengan lebih banyak lagi dalam kursus ini, kerana dengan secara menggunakannya dengan berani, akan kita cekap bertutur dalam bahasa itu. Saya ingin mengesyorkan kepada pihak INTAN supaya mewajibkan peserta-peserta menggunakan bahasa Inggeris dalam satu sesi sebagai latihan informal dalam bahasa tersebut.

14. Sukalah saya menegaskan sekali lagi di sini bahawa puan-puan sungguh bertuah kerana dapat mengikuti kursus ini.

Semoga dengan pengetahuan yang akan diperolehi akan dapat menambahkan lagi keyakinan puan-puan terhadap apa yang harus dilakukan atau diperkatakan dalam membantu tugas-tugas harian puan serta tugas-tugas harian suami puan-puan kelak.

15. Memandangkan kepada inisiatif dan perhatian yang berat yang diberikan oleh pihak INTAN dalam merancang dan mengendalikan kursus ini, maka saya ingin meminta kerjasama daripada semua peserta kursus sekalian supaya tidak mensesiakan usaha ini. Saya berharap puan-puan semua akan mengikuti kursus ini dengan hati yang terbuka dan penuh minat serta ketekunan hingga ke akhirnya.

16. Dengan kata-kata ini, saya dengan segala sukacitanya mengisytiharkan Kursus Isteri-Isteri Pegawai Kanan Kerajaan 1987 ini dibuka dengan rasminya.